

# Penyenaraian di Bursa Malaysia, Vanzo fokus kembang perniagaan

bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/11/1329558/penyenaraian-di-bursa-malaysia-vanzo-fokus-kembang-perniagaan

Alzahrin Alias

November 27, 2024

KUALA LUMPUR: Vanzo Holdings Bhd (Vanzo), peneraju dalam pengeluaran wangian udara di Malaysia, menyasarkan untuk meraih RM14.0 juta melalui penawaran awam permulaan (IPO) membabitkan terbitan 93.35 juta saham biasa pada harga runcit RM0.15 sesaham.

Langkah ini berikutan pelancaran prospektus syarikat sempena penyenaraianya dalam Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Bhd pada 17 Disember ini, menandakan fasa baharu dalam perkembangan Vanzo.

Pengarah Urusan Vanzo, Allan Wong berkata, berdasarkan modal saham diperbesarkan sebanyak 466,751,000 saham dan harga IPO tersebut, permodalan pasaran dianggarkan sekitar RM70.0 juta.

Beliau yang juga Pengarah Eksekutif Bukan Bebas kumpulan berkata, hasil yang dikumpulkan daripada IPO itu akan membolehkan Vanzo memenuhi fasa seterusnya dalam pengembangan perniagaannya.

Vanzo katanya telah memperuntukkan 47.2 peratus daripada hasil tersebut untuk pengembangan perniagaan dan aktiviti pemasaran.

Manakala 21.4 peratus katanya untuk pembayaran balik pinjaman bank, manakala baki hasil akan digunakan untuk modal kerja dan perbelanjaan berkaitan penyenaraian.

"Pengembangan perniagaan Syarikat termasuk rancangan untuk menujuhkan empat kiosk runcit baharu bagi meningkatkan keterlihatan jenama Vanzo dan memperluaskan pangkalan pelanggan.

"Vanzo secara prinsipnya terlibat dalam mereka bentuk, memasarkan, dan menjual produk wangian udara dan produk berkaitan wangian.

"Pada masa ini, kumpulan mempunyai enam kiosk runcit di Malaysia, dengan lima kiosk runcit terletak di pusat membeli-belah di Lembah Klang dan satu kiosk runcit di Kuching, Sarawak," katanya selepas majlis pelancaran prospektus di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Wong berkata, sepanjang tahun ini, kumpulan telah melaksanakan langkah drastik dalam mengembangkan rangkaian produk dan wangiannya.

Beliau berkata, sehingga kini, Vanzo memasarkan dan menjual 12 siri produk wangian kereta dan dalaman serta empat produk penjagaan diri dan rumah dengan 28 jenis wangian dengan memiliki formulasi untuk 12 daripada wangian tersebut.

"Produk wangian kereta kami tersedia dalam bentuk produk wangian dalam balang atau wangian klip ventilator penyaman udara kereta dengan pelbagai saiz dan reka bentuk.

"Pada masa hadapan, kami akan terus menjalankan perniagaan sedia ada kami dalam reka bentuk, pemasaran, dan penjualan produk wangian udara serta produk berkaitan wangian.

"Selain itu, kami percaya bahawa penyenaraian ini akan menyediakan platform yang lebih besar kepada Vanzo untuk mengumpul dana dan mendapatkan modal bagi rancangan pertumbuhan kami.

"Kami akan memberi tumpuan kepada tiga strategi utama untuk mengekalkan perniagaan kami, termasuk mengukuhkan kehadiran, memperkuat jenama, dan memperluaskan capaian pengedaran," katanya.